

ALOR SETAR, 30 JUN (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SRI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI PARA PEMIMPIN PAS SEKARANG MENGGUNAKAN BERBAGAI TEKTIK TERMASUK +MENGEJIK-NGEJIK+ PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO DAN BARISAN NASIONAL UNTUK MEMPENGARUHI RAKYAT MENYOKONG MEREKA.

KATANYA, PEMIMPIN-PEMIMPIN PAS TELAH MENGGUNAKAN TEKTIK-TEKTIK ITU DALAM KEMPEN PILIHANRAYA MEREKA SUPAYA RAKYAT MEMANDANG RENDAH SERTA MEMBENCI PARA PEMIMPIN UMNO.

MEREKA BERBUAT DEMIKIAN DENGAN TUJUAN SUPAYA PARA PENGUNDI MENYOKONG CALUN-CALUN PAS DALAM PILIHANRAYA AKAN DATAI. KATANYA DALAM MAJLIS CERAMAH ANJURAN BARISAN NASIONAL DI DEWAN ANGRAMAI KUBUR PANJANG, 20 BATU DARI SINI.

MENURUT TIMBALAN PERDANA MENTERI, PARA PEMIMPIN PAS ITU SENTIASA MENUKAR-NUKARKAN ISU YANG DIGUNAKAN OLEH MEREKA DARI SATU UTEMPAT KE SATU TEMPAT YANG LAIN DAN AKAN MENGGUNAKAN ISU YANG SESUAI DENGAN SUASANA DAN KEADAAN TEMPAT-TEMPAT YANG TERTENTU. -- BERSAMBUNG 1954/ZCM

6648:

MAHATHIR-PAS 2 ALOR SETAR

DI KAWASAN-KAWASAN MELAYU, PEMIMPIN-PEMIMPIN PAS AKAN MENGEJIK-NGEJIK PARA PEMIMPIN UMNO DAN MENGGUNAKAN ISU YANG BOLEH MENIMBULKAN PERASAAN MARAH DAN BENCI RAKYAT TERHADAP PARA PEMIMPIN UMNO DAN DENGAN ITU MEREKA AKAN MENYOKONG CALUN-CALUN PAS.

SEMENTARA DI KAWASAN YANG TERDAPAT RAMAI PENGUNDI CINA PULA, MEREKA AKAN MEMBERITAHU YANG KERAJAAN BARISAN NASIONAL MEMBERI PERTOLONGAN KEPADA ORANG-ORANG MELAYU SAHAJA DAN MENGABAIKAN KEPENTINGAN ORANG-ORANG CINA, KATANYA.

INI SEMATA-MATA BERTUJUAN UNTUK MEMBANGKITKAN PERASAAN ORANG-ORANG CINA SUPAYA MEMBENCI PARA PEMIMPIN BARISAN NASIONAL TERUTAMA UMNO AGAR MEREKA TIDAK MEMBERIKAN UNDI KEPADA CALUN-CALUN BARISAN DALAM PILIHANRAYA INI.

KATANYA, PAS TELAH PUN MULA MENGGUNAKAN TEKTIK-TEKTIK ITU YANG TELAH DIGUNAKAN DENGAN JAYANYA DALAM PILIHANRAYA-PILIHANRAYA SEBELUM PAS MENYERTAI BARISAN NASIONAL DULU UNUK MEMPENGARUHI RAKYAT MENGUNDI CALUN-CALUN PARTI ITU.

BELIAU MENASIHATKAN RAKYAT SUPAYA JANGAN TERPENGARUH DENGAN TEKTIK SEPERTI ITU YANG BERTUJUAN MENIMBULKAN HURUHARA DAN MEMECAH BELAHKAN RAKYAT. -- BERSAMBUNG 1958/ZCM

DATUK SRI DR. MAHATHIR MENGAKUI YANG PARA PEMIMPIN PAS TERUTAMA YANG DIPERTUA AGUNG PARTI TU, DATUK HAJI MOHAMED ASRI HAJI MUDA ADALAH AHLI-AHLI PEDATO YANG BIJAK YANG BOLEH MEMPENGARUHI RAKYAT DENGAN PEDATONYA.

AKAN TETAPI, BELIAU MENGINGATKAN, ORANG INI HANYA MEMPUNYAI MINAT BAGI MENDAPATKAN +KERUSI LEMBU+ UNTUK KEPENTINGAN DAN KESENANGAN MEREKA SAHAJA, DAN BUKAN UNTUK BERKHIDMAT KEPADA RAKYAT.

DATUK SRI DR. MAHATHIR SEKALI LAGI MEMBIDAS PARA PEMIMPIN PAS KERANA MENGGUNAKAN POTONGAN-POTONGAN AYAT SUCI QURAN DALAM MANIFESTO DAN RISALAH PARTI BERTUJUAN MENMANCING UNDI.

KATANYA, PERBUATAN MENGGUNAKAN AYAT-AYAT DENGAN SEWENANG-WENANGNYA ADALAH BERTENTANGAN DENGAN AJARAN ISLAM.

MENURUT BELIAU DI KELANTAN, PAS TELAH MENGGUNAKAN POTONGAN AYAT QURAN DAN TAFSIRAN AYAT TERSEBUT DALAM RISALAH PARTI YANG DIATUR DI SEPANJANG JALAN DAN KEMUDIAN DIPIJAK OLEH ORANG-ORANG YANG TIDAK TAHU.

TIMBALAN PERDANA MENTERI LALU BERTANYA: +INIKAH CARA PARA PEMIMPIN PAS MENGHORMATI AYAT-AYAT SUCI AL-QURAN?+, -- BERNAMA 2002/ZCM